

## • UNTUK LIHAT SENDIRI PERJALANAN PILIHANRAYA UMUM - PM

# Pemerhati Komanwel dijemput

UM 22 JUN 1990

**K**UALA LUMPUR 21 Jun — ‘Kerajaan telah mengambil keputusan menjemput satu kumpulan pemerhati pilihanraya daripada negara - negara Komanwel untuk mengikuti perjalanan pilihanraya umum akan datang.

Langkah ini dipersetujui dengan serta merta oleh DAP.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang mengumumkan langkah tersebut di Dewan Rakyat petang ini berkata, ini terpaksa dibuat kerana kerajaan mengesyaki bahawa pihak-pihak tertentu sudahpun merancang memburukkan imej negara pada pilihanraya akan datang.

Katanya, mereka ini telah bersedia dengan pelbagai fimah dan tuduhan yang akan dibuat oleh sekumpulan orang-orang suruhan mereka yang telahpun mereka tubuh.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang yang bertanya sama ada Malaysia akan menjadi teladan bagi kesemua negara Komanwel dengan menjemput misi pemerhati Komanwel semasa pilihanraya umum akan datang.

Perdana Menteri menegaskan, yang penting sekarang ialah mendapatkan pengakuan daripada parti-parti politik di Malaysia

Oleh  
**Hassan Mohd. Noor**

terutama parti-parti pembangkang sama ada mereka sanggup menerima pemerhati dari negara - negara Komanwel sedangkan mereka sudahpun membentuk sekumpulan pemerhati daripada orang suruhan mereka.

Encik Lim kemudian bangun memberitahu Dewan Rakyat bahawa pihaknya bersetuju dengan cadangan kerajaan itu.

Bagaimanapun beliau meminta Perdana Menteri memberi jaminan yang kerajaan sanggup menerima apa jua keputusan pilihanraya akan datang.

Menjawab Encik Lim, Perdana Menteri menegaskan: “Kerajaan sentiasa menerima keputusan rakyat, tidak seperti DAP atau rakan-rakannya yang baru, yang sanggup ke mahkamah untuk menafikan keputusan rakyat,” katanya disambut dengan tepukan meja penyokong - penyokong kerajaan.

Beliau menambah kekacauan seperti 13 Mei yang kononnya diugut oleh parti - parti kerajaan akan berlaku jika kerajaan kalah sebenarnya tidak akan berlaku kerana kerajaan selama ini menunjukkan teladan yang baik dalam pilihanraya.

**LIHAT MUKA 2**

## PERMERAH KOMANWEL

Dato' Sri Dr. Mahathir mengingatkan, jika dikaji peristiwa 13 Mei 1969, parti pembangkanglah yang memulakan dakwaan yang mereka menang sebelum keputusan sebenarnya dan seorang pekerja parti kerajaan dibunuh di Pulau Pinang.

"Jelaslah punca daripada kekacauan ini sudah tentunya bukan dari kerajaan sendiri malah daripada yang tidak mahu menerima keputusan rakyat," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, DAP juga boleh meninjau kembali sikap 'rakan barunya' yang tidak boleh menerima keputusan mesyuarat agung UMNO pada tahun 1987 dan parti mana yang sebenarnya mengamalkan politik sogokan dan ugutan dalam pilihanraya kecil Pantai Merdeka dan Ampang Jaya.

"Antara mereka ini termasuklah orang yang pernah terlibat secara langsung dalam kekacauan 13 Mei," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri menjelaskan bahawa cadangan Malaysia untuk mendapatkan sekumpulan pemerhati itu telahpun disampaikan kepada Setiausaha Agung Komanwel, Sir Shridath Ramphal semasa beliau berada di London pada 12 Mei lalu.

Beliau memberitahu, dalam perbincangan itu kerajaan meminta urusetia Komanwel menolong mengurus kehadiran para pemerhati berkenaan.

Menurutnya, Sir Ramphal bersetuju dengan syarat Malaysia menanggung segala perbelanjaan yang terlibat. Beliau menambah bahawa kabinet telahpun bersetuju supaya kerajaan menanggung segala perbelanjaan membawa kumpulan pemerhati itu ke sini.

Katanya, pemerhati-pemerhati berkecuali itu adalah lebih baik daripada anggota-anggota pengesan pilihanraya yang dibentuk oleh pembangkang yang jelas menentang kerajaan.

Perdana Menteri memberitahu, "langkah kerajaan bukanlah kerana tidak percaya kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang telah menguruskan pilihanraya-pilihanraya yang lepas dengan bebas, adil dan jujur."

"Tetapi kita mengesyaki pihak-pihak tertentu sudah merancang untuk memburukkan imej negara pada pilihanraya akan datang dengan berbagai fitnah dan tuduhan oleh sekumpulan orang-orang suruhan yang telah mereka tubuh," katanya.

Katanya, kerajaan juga biibang usaha-usaha parti lawan untuk mero-sakkan demo krasi negara ini.

Menurut Perdana Menteri, dalam

pilihanraya-pilihanraya kecil yang diadakan dua tiga tahun kebelakangan ini, terdapat tanda-tanda kegiatan yang tidak demokratik dilakukan oleh parti-parti pembangkang.

Beliau mendakwa ada ugutan yang dibuat dan terdapat juga unsur hasutan dan sogokan bagi menentukan parti kerajaan kalah tetapi kerajaan sukar mendapatkan bukti tentang kegiatan-kegiatan ini untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa berkenaan.

Perdana Menteri mengambil contoh dalam pilihanraya kecil Pantai Merdeka di mana wanita Cina diheret oleh perayu PAS dekat dengan tempat mengundi. Ini menakutkan wanita-wanita Cina lain dan mereka enggan keluar mengundi untuk mengelak dari di-ganggu.

Terdapat juga samseng-samseng yang dibawa daripada tempat-tempat lain guna untuk menakutkan pekerja-pekerja parti Barisan Nasional."

Oleh itu amatlah penting kerajaan mendapatkan orang-orang luar yang tidak berkepentingan menyaksi dan memerhati pilihanraya kita.

"Pemerhati-pemerhati daripada dalam negeri tidak dihiraukan oleh parti-parti pembangkang terutama jika mereka terdiri daripada penyokong-penyokong mereka sendiri yang menganggotai election watch," katanya.

Beliau berkata, jika pembangkang sanggup, menerima pemerhati - pemerhati Komanwel ini, kerajaan akan terus berhubung dengan Sekretariat Komanwel untuk menyatakan pendirian parti-parti politik dan meminta Setiausaha Agung Komanwel mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

Perdana Menteri memberitahu, Malaysia akan menjadi negara pertama mendapat khidmat dari Komanwel berhubung pemerhati pilihanraya itu dan mungkin menjadi contoh kepada negara-negara lain.

Malaysia sebelum ini telah menyokong penubuhan badan pemerhati pilihanraya dalam negara-negara Komanwel semasa persidangan Komanwel di Kuala Lumpur Oktober lalu tetapi disebabkan masalah kewangan dan lain-lain, badan tersebut belum dapat diwujudkan lagi.

Menjawab soalan tambahan Haji Bujang Ulis (Permas Simunjan), beliau memberitahu, ketika ini kerajaan belum dapat memastikan jumlah perunman yang akan dikeluarkan bagi membiayai kehadiran pemerhati pilihanraya itu.